

Newspaper	Berita Harian
Date	19/4/2013

NASIONAL 17

Manifesto BN Pulau Pinang

BH-19/4/2013

SENARAI AKU JANJI

- ⊗ **Sediakan** pusat jagaan kanak-kanak di setiap daerah Pulau Pinang dan penjodohan sumber manusia kepada wanita.
- ⊗ **Membekalkan** insurans perlindungan diri percuma kepada pasukan rondaan sukarela dan membantu menyelaraskan tugas rondaan serta memupuk kerjasama antara pasukan rondaan sukarela dan pihak berkuasa.
- ⊗ **Membatalkan** bayaran lesen penjaja dan menubuhkan galeri penjaja.
- ⊗ **4. Memperkenalkan** monorel dan sistem pengangkutan awam yang cekap.
- ⊗ **Menyediakan** perkhidmatan pemeriksaan kesihatan tahunan kepada warga emas.
- ⊗ **Menawarkan** pinjaman sebanyak RM3,000 setahun sebagai dana tambahan kepada 1,000 pelajar cemerlang bagi membolehkan mereka melanjutkan pengajian ke peringkat kolej dan universiti.
- ⊗ **Menyalurkan** bayaran cukai pintu yang dikutip daripada rumah kos rendah dan sederhana rendah ke dalam tabung penyelenggaraan Badan Pengurusan Bersama (JMB) untuk menjalankan kerja penyelenggaraan.
- ⊗ **Membina** 20,000 unit rumah mampu milik serta memperkenalkan semula skim sewa beli kepada golongan berpendapatan rendah.
- ⊗ **Menjadikan** Pulau Pinang sebagai pelabuhan bebas.
- ⊗ **Menubuhkan** Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC).
- ⊗ **Memberi** rebat 10 peratus kepada peniaga dan pemilik kedai yang mengamalkan 3R (pengurangan, guna semula dan kitar semula).
- ⊗ **Membabitkan** penyertaan orang awam dalam penggubalan dasar kerajaan negeri.
- ⊗ **Melanjutkan** secara automatik pajakan tanah yang kurang daripada 30 tahun kepada 60 tahun.
- ⊗ **Menubuhkan** Taman Dinamo dan Inovasi untuk golongan muda.
- ⊗ **Memberikan** lesen menduduki sementara (TOL) kepada rumah ibadat sedia ada dan memberikan peruntukan setiap tahun kepada rumah ibadat di seluruh Pulau Pinang.
- ⊗ **Memberikan** rebat cukai kepada syarikat yang mengupah pesara untuk bekerja semula.
- ⊗ **Mewujudkan** peluang pekerjaan dalam bidang pelancongan dan akuakultur bagi penduduk luar bandar.
- ⊗ **Menghapuskan** tol motosikal di Jambatan Pulau Pinang.
- ⊗ **Mengekalkan** kampung tradisional dengan meningkatkan kemudahan dan mewujudkan program inap desa.